



SULIT

Ruj. Kami : DOF.BKP(S)500-6/1/1 Jld.2 (32)
Tarikh : 6 Mei 2024

Seperti Senarai Edaran

YBhg. Dato' / YBrs. Dr. / Tuan / Puan,

**PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SUBJEK
JABATAN DAN PEPERIKSAAN PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)
BILANGAN 1 TAHUN 2024 JABATAN PERIKANAN MALAYSIA.**

Saya dengan hormatnya menarik perhatian YBhg. Dato' / YBrs. Dr. / tuan / puan kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Perikanan Malaysia akan mengadakan Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan dan Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Bilangan 1 Tahun 2024 bagi pegawai Kumpulan Skim Perkhidmatan Bukan Gunasama untuk tujuan pengesahan jawatan dalam perkhidmatan serta peningkatan laluan kerjaya yang akan dijadualkan seperti berikut:

Bil	PEPERIKSAAN	TARIKH	TEMPAT
1.	Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan	05 & 06 Jun 2024	Putrajaya International Convention Centre (PICC)
2.	Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL)		

3. Sehubungan itu, YBhg. Dato' / YBrs. Dr. / tuan / puan dimohon memaklumkan pengumuman peperiksaan ini kepada pegawai di bawah seliaan YBhg. Dato' / YBrs. Dr. / tuan / puan. Calon peperiksaan boleh memuat turun **Jadual Peperiksaan, Sukatan Peperiksaan dan Borang Permohonan** dari laman web Jabatan di pautan www.dof.gov.my – **Warga– Peperiksaan**.



4. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah diemelkan kepada urus setia melalui emel ke ayuni@dof.gov.my atau dikemukakan ke alamat di bawah **selewat-lewatnya pada atau sebelum 20 Mei 2024.**


Ketua Pengarah Perikanan Malaysia
Jabatan Perikanan Malaysia
Bahagian Khidmat Pengurusan
Wisma Tani, Aras 4, Blok 4G2
No.30, Persiaran Perdana, Presint 4
62628 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Naik Pangkat & Prestasi)
Fax No : 03- 88 88 9972

Sekian terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(NUR HIDAYATI BINTI ABU HAIRI)
Bahagian Khidmat Pengurusan
b.p. Ketua Pengarah Perikanan
Jabatan Perikanan Malaysia

s.k : Ketua Pengarah Perikanan
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Unit Komunikasi Korporat – tuan dimohon memuat naik iklan ini di laman web
Rasmi Jabatan